

Tahap Cita-cita Relatif Tinggi : Faktor Pendorong dalam Melaksana Undang-undang Islam

**4.0 Pendahuluan**

Bab Tiga telah membincarakan tentang kewujudan cita-cita kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam. Cita-cita relatif tinggi terbukti oleh usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan. Kewujudan cita-cita itu bukan sahaja muncul dari kecenderungan atau dorongan dari dalam diri pemimpin sebagai seorang muslim, tetapi juga datang dari suasana persekitaran yang melingkunginya. Bab ini akan menghuraikan faktor pendorong kepada tahap kewujudan cita-cita kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam. Faktor yang akan diketengahkan ialah; pesaingan antara parti politik Muslim, tekanan daripada organisasi gerakan Islam, peningkatan kefahaman masyarakat terhadap undang-undang Islam, sifat peribadi pemimpin sebagai seorang Muslim yang berasa bertanggungjawab melaksana undang-undang Islam, menjaga status quo kepimpinan dan menjaga imej sebagai model sebuah negara Islam.

**4.1 Pesaingan Parti Politik Muslim**

Parti PAS meletakkan asas yang jelas untuk mewujudkan sebuah negara Islam sejak awal penubuhannya.<sup>1</sup> PAS melihat kerajaan Barisan Nasional tidak mempunyai hasrat dan tidak ada cita-cita untuk melaksana undang-undang Islam. Pandangan ini dapat dilihat daripada kenyataan-kenyataan para pemimpin PAS di semua peringkat. Satu isu yang paling ketara ialah isu *takfir* [menuduh orang lain kafir] sebagai reaksi daripada keenggan kerajaan di bawah pimpinan UMNO melaksana undang-undang Islam.<sup>2</sup> Mengikut PAS kerajaan masih mempertahan dasar sekularisme dalam sistem pemerintahan dan politik negara. Bagi PAS

<sup>1</sup> Shafie Ibrahim, The Islamic Party of Malaysia : its Formative Stages and Ideology, op.cit., hal. 94

<sup>2</sup> Untuk mendapat keterangan lanjut sila rujuk Azmi Mohd Ali, Isu Kafir Mengkafir dan Pindaan ke atas Kapun Kesiksaan dan Kanun Acara Jenayah, Latihan Ilmiah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, 1984.

mereka yang mengekalkan faham sekular [duniawi semata] adalah *kafir*.<sup>3</sup> Justeru itu orang-orang UMNO dalam Barisan Nasional adalah 'murtad' dan implikasi daripada itu mereka tidak sah dijadikan imam solat, sembelihan orang-orang UMNO tidak boleh dimakan dan tidak sah akad nikah yang diwalikan oleh orang UMNO.

Pandangan ini diperkuuhkan lagi oleh Hadi Awang Timbalan Presiden PAS yang mengatakan: "Menentang UMNO adalah satu jihad kerana mereka tidak mahu melaksanakan undang-undang Islam dan masih mahu mengekalkan perlembagaan *tagħraf* [perlembagaan yang tidak Islamik] iaitu perlembagaan yang telah diwarisi dari zaman penjajah". Ucapan beliau pada

7 April 1983 di Kuala Terengganu telah dijadikan amanat dan landasan perjuangan PAS.<sup>4</sup>

Kerajaan memandang berat kenyataan yang dikeluarkan oleh Abdul Hadi Awang, kerana tindakan itu telah menyeret kepada isu mengkafirkhan sesama umat Islam. Kesan daripada kenyataan itu kerajaan telah mengadakan satu rang undang-undang ke atas kanun kesiksaan iaitu melarang umat Islam menghina sesama umat Islam, dinamai Kanun Acara Jenayah 1982. Namun undang-undang tersebut tidak menutup mulut PAS untuk menjelaskan pendirian tentang iman dan kekufran. Hadi Awang menjelaskan bahawa kenyataannya itu, bukanlah bermaksud mengkafirkhan orang UMNO tetapi untuk menjelaskan soal iman dan kafir. Hadi Awang

---

<sup>3</sup> Pendapat ini telah dikemukakan oleh Hj Mustafa Hj Abu Bakar, Seberang Takir, Terengganu, pada 4 Nov 1979, seorang anggota PAS Terengganu. Walau bagaimanapun beliau telah dihadapkan ke Mahkamah Kadi Besar Terengganu atas kesalahan Jenayah 3/80 di bawah Seksyen 146 Undang-undang Pentadbiran Hukum Syariah no 4/1955 dan dipenjara selama 4 bulan. Kesan pandangan ini juga telah berlaku sembahyang dua imam di kampung Gong Pasir Besut. Rentetan dari itu 22 kampung seluruh daerah Besut yang mempunyai bangunan PAS dijadikan tempat solat Jumaat.

<sup>4</sup> Kata Hj Hadi " Saudara-saudara sekalian percayalah kita menentang UMNO bukan kerana namanya UMNO, kita menentang Barisan Nasional bukan kerana namanya Barisan Nasional, kita menentang dia kerana dia mengekalkan institusi penjajah, mengekalkan peraturan kafir, dan mengekalkan peraturan Jahiliah. Oleh kerana itu kita berjuang melawan mereka, percayalah saudara-saudara perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad, dan kita berjuang melawan kelompok-kelompok ini, kalau kita mati adalah mati syahid, dan mati kita adalah mati Islam...." Amanat ini telah dicetak oleh Jabatan Penerangan PAS Kelantan pada september 1983.

berpendapat isu itu sengaja diperbesarkan oleh UMNO untuk menentang PAS dan memburukkan imej PAS.<sup>5</sup>

Pergeseran pandangan antara UMNO - PAS dalam isu *takfir* berpanjangan sehingga membawa kepada usaha untuk diperdebatkan melalui televesion pada 1985.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun perdebatan itu tidak berlangsung atas arahan daripada Yang di-Pertuan Agong. Banyak kalangan cerdik pandai Islam dan badan-badan gerakan Islam tidak menyetujui perdebatan itu bertaku.<sup>7</sup> Kemuncak pertentangan PAS - kerajaan berlaku apabila terjadi peristiwa Memali 19 November 1985 di Baling, Kedah. Dalam peristiwa itu, 14 orang pengikut PAS diketuai oleh Ustaz Ibrahim Mahmud yang lebih dikenali Ibrahim Libya dan 4 orang anggota polis terbunuh. Ibrahim Mahmud kembali dari pendidikannya di Libya dengan membawa bersamanya idea-idea radikal transformasi Islam. Kemahiran berpidato dan anjurannya yang berapi-rampi tentang jihad dan kesyahidan telah menjadikan beliau seorang pemimpin muda PAS yang popular di Kedah. Sekembalinya daripada menuntut, beliau telah membuka pondok agama di daerah Memali. Pada tahun 1984, kerajaan telah mengeluarkan waran tangkap ke atas Ibrahim di bawah peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana menggugat keselamatan dan menyebar *ekstremisme*. Kerajaan merestui tindakan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan atas alasan untuk menyekat gerakan *extremisme* agama yang mengancam keselamatan negara. Bagi Ibrahim Libya dan para pengikutnya menentang kerajaan di bawah kepimpinan UMNO adalah satu kewajipan kerana keengganan kerajaan melaksana

---

<sup>5</sup> Lihat kenyataan Hj Hadi Awang dalam Asiaweek, 24 Ogos 1984, hal. 25. Katanya "Adalah benar kita tidak boleh menuduh seseorang itu kafir selama dia mengucap kalimah syahadat dan yang berhak menghukum seseorang itu kafir ialah Tuhan, kewajipan kita ialah menyampaikan hukum Tuhan."

<sup>6</sup> Lihat Berita Harian 28 Ogos 1984, hal. 4. lihat juga Utusan Malaysia 28 Ogos 1984, hal. 5.

<sup>7</sup> Debat apa kata tokoh: Panji Masyarakat Nov 1984, hal. 12. Lihat juga "Debat: Dimana Pendirian ABIM?" Risalah, No. 1, 1985, hal. 9

undang-undang Islam dan menyekat pergerakan gerakan Islam yang menuntut pelaksanaan undang-undang Islam.”<sup>8</sup>

Awal 1990-an isu perdebatan kafir mengkafir berkurangan tetapi ini tidak bermakna PAS mengurangkan tuntutannya untuk menegakkan negara Islam. PAS tetap melihat kerajaan masih enggan melaksanakan undang-undang Islam, malah PAS melihat setiap akta yang diwujudkan oleh kerajaan dilihat untuk menindas gerakan Islam yang ingin memperjuangkan undang-undang Islam yang menyeluruh. Pergeseran idea antara UMNO - PAS bukanlah suatu yang baru, ia telah berlaku sejak PAS ditubuhkan, apabila sebahagian anggota cabang agama UMNO tidak bersetuju dengan beberapa dasar yang diperjuangkannya, lalu menubuhkan PAS, dan membentuk satu dasar yang berbeza daripada UMNO yang memperjuangkan nasionalisme Melayu. Sementara PAS memperjuangkan wujudnya sebuah masyarakat dan sistem pemerintah yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukumnya menuju keredaan Allah dan memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan syariah. Dan menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara.<sup>9</sup> UMNO - PAS tidak pemah sehalaun dalam menangani isu pelaksanaan undang-undang Islam. Masing-masing bersaing antara satu sama lain dalam memperjuang isu itu. PAS menuduh kerajaan tidak sensitif dengan agama sementara UMNO menuduh PAS menggunakan agama demi kepentingan politik.

Sikap radikal PAS dalam tahun-tahun 70-an dan 80-an timbul akibat kegagalan gabungan kerajaan PAS-UMNO 1973, mewajarkan pendirian golongan dalam PAS yang menentang gabungan dahulu menawarkan satu pentas yang subur untuk kebangkitan pengaruh

---

\* “ Kamu adalah orang-orang Islam, dan jangan ketika kamu telah menjadi orang Islam, uba-tiba kamu hendak menyekat perjuangan kami, kami berjuang dalam harakah PAS untuk menegakkan kalimatullah, kamu jangan cuba sekat kami, kalau kamu sekat kami tentang kamu, kalau kami mati kami mati syahid dan kalau kamu mati, mati katak”. Lihat Gema Syuhada, **Mutiara kata al-Syabid ustaz Ibrahim Mahmud**, Baling: Pustaka Syuhada, t.t, hal. 4. Dalam risalah yang sama muka surat 11 ustaz Ibrahim Mahmud mengucapkan “ Saya meminta kepada saudara-saudara, jangan merasa gentar dan takut dengan tekanan yang dibuat oleh pemerintah hari ini, kerana itulah tujuan kita, dan itulah yang kita cari di atas dunia ini. Daripada kita hidup bercerminkan bangkai, lebih baik kita mati berkalangakan tanah asalkan kita mati syahid.”

<sup>8</sup> Lihat Perlembagaan PAS, 1993, hal. 2.

aliran radikal yang lebih senang berkonfrantasi terhadap UMNO.<sup>10</sup> Sifat radikal juga kesan dari pengaruh atau tarbiyah yang dibentangkan kepada ahli PAS melalui sumber rujukan yang telah dihasilkan oleh pemimpin gerakan Islam semasa, seperti buku yang dikarang oleh Sayed Qutb, Said Hawwa, Abdul Rahman Abdul Khaliq, Ali Gharisyah dan Abdul Aziz bin Abdullah Baz<sup>11</sup> yang dijadikan bahan bacaan kepada ahli-ahli dan para pengikut PAS. Satu petunjuk awal penonjolan pengaruh radikal ialah identifikasi PAS dengan revolusi Khomeini. Hadi Awang, Persuruhjaya PAS Terengganu yang juga dikatakan pemimpin golongan radikal telah dipilih sebagai timbalan presiden parti, adalah di antara rakyat Malaysia terawal melawat Iran selepas kejayaan revolusi itu.<sup>12</sup> Ucapan-ucapan pemimpin PAS yang memuja Iran tersebar luas di seluruh negara. Ucapan-ucapan itu juga mengecam pemimpin-pemimpin UMNO dengan nada yang sangat keras, menyifatkan mereka sebagai jahil, anti-Islam, rasuah dan zalim. Selain pengaruh Iran, keradikalan PAS adalah hasil daripada sikap sinis kerajaan dalam isu pelaksanaan undang-undang Islam juga menyumbang kepada sifat ekstremisme PAS. Banyak hujah yang dikemukakan oleh PAS untuk mempertikaikan cita-cita kerajaan dalam pelaksanaan undang-undang Islam. Misalnya kenyataan Tunku yang tegas menolak hukum Hudud khususnya tentang hukum rejam sekalipun pada ketika ini Tunku bukan lagi Perdana Menteri. Tunku amat menyesali kerana ada di kalangan umat Islam di negara ini golongan yang amat fanatik mempertahan hukum itu. Bagi beliau pada zaman sekarang hal itu sudah tidak sesuai lagi dan akan menjatuhkan martabat orang Melayu apabila penganut agama lain melihat pemuda-pemudi Melayu diikat dan direjam.<sup>13</sup> Tunku mempertikai undang-undang Islam seperti

<sup>10</sup> Lihat Syed Ahmad Hussein, Politik Muslim dan Demokrasi di Malaysia: Anjakan, Pertemuan dan Landasan Baru Persaingan Politik, Sarahan Perdana sempena Penganugerahan beliau sebagai Professor di Universiti Sains Malaysia, pada November 1999.

<sup>11</sup> Lihat Said Hawwa, Batas-batas Iman dan Kufur (terj) ABIM, Kuala Lumpur, 1982. Abdul Rahman Abdul Khaliq, Garis Pemisah antara Kufur dan Iman (terj), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1984. Ali Gharisyah, Pendawah bukan Pelampau (terj), Kuala Lumpur: Pustaka HIZBIL, 1985, dan Abdul Aziz Ibn Baz, Perkara-perkara yang membatalkan Iman dan Islam, Kuala Lumpur: Gedung Hidayat, 1984.

<sup>12</sup> Ibn Hisham, PAS Kuasai Malaysia ?, Kuala Lumpur: GG Edar, 1993, hal. 325

hukum rotan ke atas perminum arak dan pasangan berkhawat. Tunku melihat undang-undang itu sudah lapuk dan menyekat pembangunan.<sup>14</sup> Walaupun pendapat Tunku dibantah oleh banyak pihak, namun beliau tetap mempertahankan pandangannya.<sup>15</sup> Sikap yang sama juga telah ditunjukkan oleh Tun Husein Onn ketika beliau menjadi Perdana Menteri, walaupun beliau memperakui undang-undang Islam terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tetapi perlaksanaannya memerlukan sikap berhati-hati dengan memperhitungkan banyak aspek khususnya akibat psikologi yang dipikul oleh pesalah. Beliau tidak yakin masalah maksiat dapat diselesaikan walaupun terlaksananya undang-undang Islam.<sup>16</sup>

Isu penolakan draf Kanun Acara Jenayah Syariah 11 negeri Kelantan 1993 yang diajukan kepada Perdana Menteri dilihat oleh PAS sebagai sikap kerajaan menolak atau tidak ada cita-cita untuk melaksana undang-undang Islam. Perdana Menteri menolak draf dan menganggap Kanun itu sebagai undang-undang hudud PAS dan bukan undang-undang Islam. Malah Perdana Menteri telah memberi amaran kepada kerajaan PAS Kelantan supaya tidak melaksanakan kanun tersebut.<sup>17</sup> PAS melihat kerajaan BN sengaja mengada-adakan pelbagai alasan untuk menolak pelaksanaan undang-undang Islam. Pada hal alasan itu tidak boleh dijadikan asas dan penghalang kepada terlaksananya undang-undang Islam.<sup>18</sup>

<sup>13</sup> Tunku Abdul Rahman, Sudut Pandangan, Kuala Lumpur: Heineman, 1979, bab 30.

<sup>14</sup> Lihat The Star, 2 Jan 1987, hal. 5, dan Utusan Malaysia, 21 Jan 1984, hal. 6.

<sup>15</sup> Kata Tunku "The situation in this country then will be confusing. Malaysia is one of the countries which produce some of the best stout and beer. When I was the Prime Minister, I performed the official opening of the guiness brewery. What will happen to Malaysia with its already shrinking economy? this happy country will become a miserable place to live in, and where else can we go?" Lihat The Star, Feb 2 1987.

<sup>16</sup> Lihat The Star dan Utusan Melaku, dan 22 Jan 1987, hal. 5.

<sup>17</sup> Sila rujuk surat rasmi YAB Perdana Menteri yang dihantar kepada YAB Menteri Besar Kelantan pada 15 Julai 1994. Surat itu dihantar untuk menjawab surat yang dihantar oleh pejabat YAB Menteri Besar Kelantan. Lihat juga kenyataan yang dibuat oleh YAB Menteri Besar Kelantan pada ceramah beliau di Jambatan No 1, Kg Bunut Payung, Kota Baru, pada 26 Mac 1995.

PAS menolak untuk mengatakan bahawa masyarakat majmuk, kelemahan Mahkamah Syariah, kekurangan para hakim yang berwibawa, dan badan kuasa undang-undang Islam di bawah kerajaan negeri sebagai penghalang kepada pelaksanaan undang-undang Islam.<sup>19</sup> Malah PAS melihat sikap kerajaan tidak konsisten dalam pandangan dan pendirian mereka dengan undang-undang Islam adalah manifestasi sebenar keengganan mereka melaksana undang-undang Islam. Bagi PAS kerajaan Barisan Nasional mengamalkan dasar *double standard* dengan Islam. Dalam isu Kanun Acara Jenayah Syariah 11 Kelantan misalnya, satu masa kerajaan pusat memberikan undang-undang itu dilaksanakan, pada masa yang lain kerajaan pusat memberi amaran kepada kerajaan Kelantan supaya tidak melaksanakannya.<sup>20</sup>

Bagi Mahathir Mohamad, undang-undang Islam mestilah bersifat dinamis dan fleksibel. Penerapannya haruslah mengikut kaedah beransur-ansur dengan memperlihat situasi semasa.<sup>21</sup> Mahathir Mohamad lebih menekankan soal nilai keadilan, iaitu satu kesalahan pada pandangan Islam perlu dihukum dengan hukuman yang berdasarkan kepada keadilan. Baginya sistem perundungan dalam *common law* di Malaysia sudah melaksanakan sistem keadilan menurut

<sup>18</sup> Kata Nik Aziz Nik Mat: " Dia ajar kepada rakyat dia sebut pada rakyat bahawa tidak boleh buat undang-undang Islam khususnya hudud kerana masyarakat kita majmuk, berbilang bangsa. Inilah yang diulang disebar pagi petang siang malam. Dari Eropah sampai ke Malaysia dia sebar tentang berbilang bangsa. Kita semua tahu sekarang ini orang mengaji belaka, kalau benda ini diberitahu kepada orang belum perang Jepun boleh jadi orang terima, sekarang ini orang mengaji belaka.... " Lihat ucapan beliau di Kg Bunut Payung . *ibid*.

<sup>19</sup> Kata Nik Abdul Aziz: " Masvarakat majmuk ini sengaja Allah ta'ala buat, jadi kalau menjadikan masyarakat majmuk sebagai alasan maka ertiinya Tuhan tidak betul, kerana menjadikan masvarakat sebagai majmuk.... " Lihat ucapan YAB Nik Abdul Aziz ketika memberi syarah diperhimpunan rakyat, di Stadium Sultan Muhammad ke 1V, Kota Bharu: pada 23 April 1995.

<sup>20</sup> Lihat, Berita Harian 17 April 1992, hal. 4. Lihat juga kenyataan Anwar Ibrahim , Berita Harian, 12 April 1995, hal. 6.

<sup>21</sup> Berani buka pintu akal, dlm Utusan Malaysia, 17 Okt 1994, hal. 7. Lihat juga "Nilai semula Hukum-hukum silam ulama perlu berani", dlm Utusan Malaysia, 15 Okt 1994, hal. 5.

pandangan Islam.<sup>22</sup> Mahathir Mohamad juga menyatakan undang-undang Islam tidak perlu dilaksanakan kalau hanya untuk menguji keimanan atau ketahanan diri umat dalam menghadapi gejala sosial.<sup>23</sup> Berdasarkan situasi itu, Mahathir Mohamad melihat kekuatan nilai lebih penting daripada kekuatan undang-undang. Pendapat beliau diperkuat oleh Yusof Mohd Noor dalam menghuraikan konsep nilai. Bagi beliau dalam Islam terdapat ajaran tentang nilai, iaitu nilai dasar dan nilai tambah. Dalam hubungan dengan politik, beliau menegaskan nilai-nilai dasar dan nilai tambah saling mengisi antara satu sama lain. Bagi Yusof Mohd Noor undang-undang Islam hanya dapat diterapkan apabila nilai-nilai dasar telah dilaksanakan dalam masyarakat.<sup>24</sup>

PAS tidak bersetuju dengan pendapat ini. PAS menentang penerapan nilai-nilai Islam kerana idea tersebut tidak menjamin kelangsungan pelaksanaan undang-undang Islam yang menyeluruh. Bagi PAS penerapan nilai-nilai Islam hanyalah sekadar manipulasi kerajaan supaya tidak dikatakan tidak Islamik. Bagi PAS yang lebih utama ialah membangunkan kerajaan yang berdasarkan kepada syariat atau undang-undang Allah swt,<sup>25</sup> kerana undang-undang Allah akan dapat mengatasi segala persoalan yang dihadapi oleh negara. PAS menolak dasar penerapan nilai-nilai Islam, kerana dasar itu bukan sahaja tidak menyeluruh malah sekadar kosmetik dan

<sup>22</sup> Rosnah Majid, Koleksi Temuramah khas dengan Tokoh-tokoh, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985, hal. 156. Lihat juga "kaji hukum Islam dalam konteks zaman moden", dlm Utusan Malaysia, 25 Feb., 1991.

<sup>23</sup> "Penerapan nilai-nilai Islam tanpa undang-undang Islam", dlm Utusan Malaysia, 2 Nov 1989, hal. 6. Dan "Islamic Law can't force to others", dlm New Strait Times, 20 Nov 1989, hal. 7.

<sup>24</sup> Yusof Mohd Noor, Panduan Rancangan Penerapan Nilai-nilai Islam, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1985.

<sup>25</sup> Subky Latif, Jika Islam Mentadbir, Kuala Terengganu: Penerbitan Gedung Ummah, 1984, hal. 1 - 5.

belum cukup untuk melaksanakan sistem Islam yang menyeluruh.<sup>26</sup> Dan PAS mencabar UMNO dengan pandangan-pandangan demikian dalam pilihan raya untuk mendapatkan kuasa politik.

#### 4.1.1 Kerajaan Campuran BN-PAS

Peringkat awal semasa kepimpinan Zulkifli Muhammad, PAS begitu ekstrem, tidak bersedia berkerjasama dengan masyarakat bukan Islam. PAS berpendirian bahawa UMNO dan kerajaan tidak Islami, tidak mewakili kepentingan majoriti kaum Malayu. Ia menuduh pemimpin UMNO dan rakan-rakannya bukan muslim menganjurkan dasar-dasar yang bertentangan dengan Islam dan menggalakkan pengaruh budaya dekadenn.<sup>27</sup> Walau bagaimanapun PAS merubah dasarnya untuk berkerjasama dengan golongan bukan Islam. Di bawah pimpinan Asri Hj Muda PAS telah berkerjasama dengan bukan Islam apabila PAS bersedia membentuk kerajaan campuran di peringkat negeri iaitu Kelantan dan peringkat Persekutuan dengan Barisan Nasional (BN) 1973. Dalam muktamar ke- 22 Asri Hj Muda presiden PAS ketika itu terpaksa meyakinkan ahli perwakilan atas keterlibatan PAS dalam kerajaan dan berkerjasama dengan orang bukan Islam. Pada Asri tindakan tersebut adalah suatu keputusan politik yang bijak, sekalipun PAS terpaksa mengorbankan dasar mereka yang diperjuangkan selama itu<sup>28</sup>. Asri membentangkan kesnya menyokong anjuran itu dengan merujuk kepada realiti politik pasca-1969, kecenderungan

<sup>26</sup> Norhashimah Mohd Yassin, Islamisation/Malaynisation, a Study on the Role of Islamic Law in the Economik Development Malaysia 1969 - 1993, op.cit., hal. 144.

<sup>27</sup> Syed Ahmad Hussien, op.cit., hal. 10.

<sup>28</sup> Antara faktor PAS menvertai kerajaan Barisan Nasional ialah. a) Faktor Politik untuk menentukan survival bangsa Melayu dan Bumiputra sesudah insiden 13 Mei 1969, disamping perpaduan yang mesti diwujudkan dari segi keselamatan negara; b) Faedah secara langsung yang akan didapat oleh PAS setelah mempunyai kedudukan yang baik sebagai parti pendokong kerajaan, termasuklah penyertaan PAS menduduki kerusi legislatif dan eksekutif; c) Yang menjadi ideal perjuangan PAS ialah penerapan nilai-nilai Islam melalui kerajaan yang didokong. Dalam erti kata lain bahawa kemasukan PAS dalam BN sekali-kali tidak menghalang PAS memperjuangkan cita-cita Islam dalam politik negara. Halim Mahmood, Ibid. hal. 36. Dalam proses pergabungan PAS dan BN, Tuan Guru Hj Nik Aziz telah memberi fatwanya bahawa campuran antara Perikatan dengan PAS di Malaysia adalah harus pada hukum syarak agama Islam, kerana itu dalam kongres PAS pada 18 Julai 1972 telah meluluskan mandat untuk berunding menubuhkan kerajaan campuran di semua peringkat. Lihat Abu Bakar Hamzah, Parti PAS dengan Tahalluf Siyasinya, Kuala Lumpur: Media Cendiakuawan, 1992, hal. 20-21

Melayu-Islamik kerajaan baru Abdul Razak dan peluang PAS mengembangkan pengaruhnya. Satu kenyataan dua puluh dua perkara yang dikeluarkan sebelum perhimpunan khas parti untuk mendebatkan kemasukan PAS dalam kerajaan campuran membuat petikan daripada al-Qur'an tradisi Nabi, sumber-sumber klasik Islam dan prinsip-prinsip fiqh untuk memutuskan bahawa penglibatan PAS dalam kerajaan campuran adalah harus pada hukum syarak.<sup>29</sup> Semasa menjadi rakan kongsi dalam kerajaan, pimpinan PAS memainkan peranan yang penting dalam memperkatakan isu-isu Islam, dan kerajaan terpaksa menerima idea-idea yang datang daripada PAS. Antaranya membentuk dasar bank Islam, menghapuskan iklan arak dan loteri di television, menghapuskan hidangan arak di majlis-majlis rasmi kerajaan, mengadakan minggu dakwah, membangunkan Kolej Pendidikan Islam dan Maktab Perguruan Islam, dan melaungkan azan di radio dan television.<sup>30</sup>

Kewujudan PAS dalam kerajaan campuran dalam tahun 1970-an membantu mempercepat trend Islamisasi kerajaan. Sebagai sebahagian daripada perjanjian perkongsian, UMNO telah bersetuju supaya kerajaan meningkatkan usaha mengembangkan Islam. Desakan daripada kumpulan gerakan kebangkitan Islam telah juga memaksa kerajaan campuran UMNO-PAS meningkatkan penglibatan kerajaan pusat dalam hal ehwal Islam, aktiviti tradisional seperti pembinaan masjid, penyebaran risalah-risalah agama, perayaan tarikh-tarikh penting dan pendidikan Islam telah bertambah pesat.<sup>31</sup> Menurut Syed Ahmad Hussein:

*Walaupun semua ini lebih merupakan peningkatan kepada aturan yang sedia ada, usaha-usaha ini menampakkan inisiatif pihak kerajaan yang lebih bersungguh dan telah menyumbang kepada pembesaran ruang Islamik dalam dasar dan hal ehwal awam. Ia juga menandakan bermulanya jaringan besar-*

<sup>29</sup> Ibn Hisham, *op.cit.*, hal. 248 – 251.

<sup>30</sup> Jomo K Sundram dan Sabri Cheek, The Politics of Malaysia's Islamic Resurgence, dlm *Third World Quarterly*, April 1988, hal. 80.

<sup>31</sup> Pada tahun 1971 Pusat Penyelidikan Islam ditubuhkan, 1974 Institut Dakwah dan Latihan Islam, 1974 Urusetia Kebangsaan Hal Ehwal Islam ditingkatkan tarafnya menjadi satu bahagian penuh di JPM, bilangan kakitangan dan peruntukan kewangan ditambah.

*besaran "Islam pusat" di Malaysia dengan kakitangan belanjawan, impak dan penerobosan yang jauh melebihi pihak berkuasa Islam negeri-negeri".<sup>32</sup>*

Kerjasama dengan masyarakat non-Muslim terus dipertingkatkan. Yusof Rawa bekas presiden PAS mengakui bahawa kegagalan mereka untuk memenangi pilihan raya (kecuali Terengganu dan Kelantan) adalah disebabkan kegagalan mereka mendekati golongan bukan Islam.<sup>33</sup> sehingga parti itu dianggap sebagai parti Melayu yang sangat fanatik dengan kermelayuannya kerana dasar pemencilannya.<sup>34</sup> Sejak pertengahan 1980 an, PAS merubah trend daripada radikal kepada sederhana. Justeru itu PAS berusaha mendekati golongan bukan Islam PAS dan mengadakan beberapa perbincangan, mendapatkan kata sepakat dan sterusnya menandatangani satu *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan *The Chinese Consultative Council* (CCC) pada 1986. Kerjasama ini berdasarkan kepada kesediaan CCC menerima konsep negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS.<sup>35</sup>

Di bawah pimpinan Fadhil Noor pemimpin golongan moderat dan bekas pimpinan ABIM, PAS telah mula memperlihat sikap kritisnya kepada tulisan tokoh-tokoh gerakan Islam radikal seperti sayed Qutb yang telah banyak mempengaruhi arah aliran pemikiran politik PAS,<sup>36</sup> ke arah pemikiran yang lebih sedarhana dan realistik dalam pergerakannya. Perubahan arah aliran pemikiran dalam politik PAS memberi kesan kepada tanggapan dan fahaman mereka dalam menangani sesuatu isu. Awal tahun 1990 an isu takfir sudah kurang diungkapkan oleh pimpinan

<sup>32</sup> Lihat Syed Ahmad Hussein, *op.cit.*, hal. 15.

<sup>33</sup> Lihat Tn Hj Yusof Rawa, Ke arah Pembebasan Ummah. Ucapan Dasar pada muktamar ke-29 PAS, di Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29 April 1983.

<sup>34</sup> Wawancara dengan Prof Dr Khoo Kay Kim, 4 Ogos 1997.

<sup>35</sup> Watan, Sabtu 16 - 18 Ogas 1986, hal. 3. Lihat juga Abu Bakar Hamzah, *op.cit.*, hal. 20 - 21. Rujuk juga wawancara dengan ustaz Mohammad Nakhe'e Hj Ahmad, pada 29 Ogos, 1997.

<sup>36</sup> Hadi Awang, Betulkan Kitab Sayid Quth, Harakah, No 2, hal., 82.

PAS. Malah sikap penceramah PAS radikal seperti Muhammad Sabu sudah mendapat teguran daripada pimpinan PAS. Nik Abdul Aziz Murshidul Am PAS menyatakan 'penceramah PAS hendaklah bersikap sederhana dalam memberi ucapan dan teguran kepada kerajaan'.<sup>37</sup> Perubahan sikap dan cara gaya kepimpinan ini adalah kerana perubahan sikap dan realiti politik semasa negara di bawah pimpinan Mahathir Mohamad yang berbeza daripada pimpinan kerajaan sebelumnya.

Dengan pengaruh pendekatan radikal semakin menurun, mesyuarat-mesyuarat parti mula dikuasai oleh pemimpin yang menganjurkan kesederhanaan dan perlunya menonjolkan wajah PAS yang toleran dan mesra. Ini bukan bererti soal negara Islam dan undang-undang Islam telah diabaikan sepenuhnya. Sesungguhnya selepas memenangi Kelantan dalam tahun 1990, PAS telah menunaikan janjinya untuk memperkenalkan undang-undang hudud di Dewan Undangan Negeri, walaupun ia tahu bahawa undang-undang itu tidak dapat dikuatkuasakan tanpa pindaan Perlembagaan Persekutuan.<sup>38</sup> Tetapi pemerintahan Islam anjurannya semakin diketengahkan bukan dalam bentuk obsesi dengan rangka institusional-legalistik, sebagai mana tahun-tahun 80-an, tetapi sesuatu yang menekankan keutamaan persoalan keadilan sosial, hak-hak warganegara dan pemerintahan yang jujur.

Kehadiran generasi baru dalam kepimpinan PAS telah memberi suntikan baru kepada era kepimpinan organisasi itu. Parti PAS tidak lagi dilabelkan oleh pemimpin UMNO sebagai parti pilihan raya tetapi sebagai sebuah gerakan Islam yang bercita-cita mengislamkan negara ini secara menyeluruh dan komprehensif dan beransur-ansur<sup>40</sup>. Dengan pendekatan baru dan menggunakan slogan kepimpinan ulama menjadikan PAS lebih menonjol dengan aktiviti

<sup>37</sup> Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ucapan di Perhimpunan Muslimat PAS, Kelantan, Markas Tarbiyah PAS Kota Baru, Kelantan, 1995.

<sup>38</sup> J. V Jeusdeson, The Synerdtic State and the Structuring of Oppositional Politics in Malaysia. Dalam Barry Rodan [ed] Political Opposition in Industrializing, London: routledge, 1996, hal. 128 – 160.

<sup>39</sup> Syed Ahmad Hussein, op.cit. hal. 22

kemasyarakatan yang menyeluruh dan berterusan,<sup>41</sup> dan pengaruh ulama dalam kepimpinan,<sup>42</sup> menjadikan pesaingan yang semakin bertambah kepada kerajaan. Satu tema yang sering diulang oleh kepimpinan baru ini berkisar pada Islam yang total dan distinktif sebagai asas masyarakat dan negara. PAS meneruskan idea mengadakan persefahaman pilihan raya dengan kumpulan politik yang menentang Barisan Nasional. Seruan baru dalam supaya PAS menyesuaikan diri dengan realiti politik masa kini dan menimbangkan kemungkinan memimpin satu gabungan multi-etnik semakin kedengaran.<sup>43</sup> Justeru itu pimpinan PAS begitu serius menimbangkan opsyen masa depan parti itu dengan mengadakan siri perbincangan tidak formal dengan DAP tentang kemungkinan-kemungkinan kerjasama dapat dilakukan. Nyata sekali PAS dapat bekerjasama dengan masyarakat non-Muslim dalam melaksanakan cita-cita politik mereka. Sejurus sebelum pilihan raya Oktober 1990, PAS dan Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah membentuk perikatan *Angkatan Perpaduan Ummah*. Semangat 46 membentuk *Gagasan Rakyat* yang menggabungkan dengan DAP dan *Parti Bersatu Sabah* [PBS], telah membawa PAS ke dalam satu gabungan tidak langsung bersama parti sokongan Cina DAP dan parti sokongan Christian PBS, yang telah memberi kesan membantu menyederhanakan artikulasi awam komunal dalam politik PAS. Tindakan yang dilakukan PAS ini menuntut kerajaan menonjolkan sifat lebih Islamik daripada tahun-tahun sebelumnya.

#### 4.2 Kebangkitan Islam

Era 1970-an menyaksikan Malaysia berhadapan dengan satu situasi baru di kalangan generasi muda kesan penistiwa 13 Mei 1969. Satu kesedaran baru telah berlaku di kalangan mahasiswa universiti tempatan khususnya Universiti Malaya untuk kembali menghayati ajaran

<sup>40</sup> Hussien Mutalib, Islamic Revivalism in Malaysia, op.cit., hal. 37.

<sup>41</sup> Husien Mutalib, ibid., hal. 39.

<sup>42</sup> Lihat Perlembagaan Pas, Perkara Fasal 7.

<sup>43</sup> Sved Ahmad Husein, op.cit., hal. 23.

agama yang sebenarnya.<sup>44</sup> Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Kebangsaan [PKPIM] yang diketuai oleh Anwar Ibrahim adalah organisasi yang bertanggungjawab melakukan *tarbiyah islamiyah* dan kesedaran di kalangan pelajar dengan mendokongi cita-cita Islannisasi. Gerakan pelajar menuntut supaya kerajaan lebih sensitif dalam menangani masalah yang dihadapi oleh orang Melayu seperti kemiskinan, bahasa dan pendidikan orang Melayu. Gerakan pelajar juga menentang beberapa dasar kerajaan yang tidak secocok dan terkeluar daripada garis panduan Islam. Zainah Anwar menyatakan:

*The leaders were condemning corruption, but they were enriching themselves. They talked about Malay nationalism but they were alienated the Malay masses. They were abscessed by the West. They were to accommodating to non-Malay sentiments. They were extremely slow in implementing national policies in education and language. We were impatient and angry about the plight of the Malays, their education, rural development, rural health.... There seemed to be no moral foundation and no spiritual guidance. We turned to Islam to fill this vacuum and to look for solution.*<sup>45</sup>

Angkatan Belia Islam Malaysia [ABIM] ditubuhkan pada ogos 1971. Organisasi ini yang menjadi pendokong kepada kebangkitan Islam di Malaysia, digerakkan oleh bekas aktivis pelajar universiti tempatan dan luar negara yang hendak menyambung idealisme perjuangan mereka untuk menegakkan kebenaran dan keadilan.<sup>46</sup> Sejarah telah memperlihat bagaimana pada peringkat awal penubuhannya, ABIM mengambil pendekatan radikal, dan mengkritik kerajaan dalam pelbagai sudut, kerana keengangan kerajaan menerima pelaksanaan undang-undang Islam. ABIM mendesak kerajaan supaya lebih Islami dalam melaksana dasar-dasarnya, dan membebaskan diri daripada sekularisme. Status Islam di Malaysia sebagai agama rasmi

<sup>44</sup> Banyak buku menganalisa kebangkitan Islam di Malaysia. Antaranya ialah Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia* 1987, Nagata, *The Reflowering of Malaysian Islam : Modern Religious Radicals and their Roots* 1984, dan Husein Mutalib *Islam and Ethnicity in Malay Politics* 1990.

<sup>45</sup> Husein Mutalib, *Ibid.*, hal. 12 – 13.

<sup>46</sup> Lihat Perlembagaan Angkatan Belia Islam Malaysia. Kuala Lumpur: ABIM, 1982, hal. 2

dalam Perlembagaan pada ABIM tidak memadai, kerana itu ABIM mencadangkan supaya Perlembagaan diubah dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dengan melaksana syariat Islam sepenuhnya.<sup>47</sup> ABIM melihat keengganannya mereka berpunca dari dasar kerajaan yang menganut faham atau dipengaruhi oleh sekularisme. Anwar Ibrahim semasa menjadi presiden ABIM sebelum terlibat dalam UMNO telah mengkritik dasar-dasar kerajaan kerana berusaha menerapkan nilai-nilai sekular di Malaysia dan menjadikan amalan agama sebagai amalan '*ritual*' yang jauh terpisah daripada aspek politik, ekonomi dan sosial.<sup>48</sup> Pendapat ini diperkuuh oleh Sidiq Fadil bekas Presiden ABIM [1982 - 1990] yang melihat sikap kerajaan sentiasa memberi ruang kepada golongan sekularis menyuburkan sikap itu di kalangan masyarakat sebagai usaha memperkosa hukum Allah dalam kehidupan sosial, ekonomi dan politik negara<sup>49</sup>. ABIM juga menuduh tindakan kerajaan menangkap tokoh-tokoh ulama dan gerakan Islam sebagai sikap kerajaan tidak berminat dengan Islam dan ingin mengekalkan faham sekular dalam sistem bernegara.<sup>50</sup>

Kritikan ABIM terhadap kerajaan bukan sahaja menyangkut dasar sekularisme, tetapi juga dasar nasionalisme (kebangsaan) yang dianut oleh parti UMNO. Dalam tahun-tahun 80-an ABIM adalah organisasi yang paling lantang menentang dan mengkritik dasar nasionalisme kerajaan kerana bertentangan dengan Islam. Bagi ABIM, penentangannya terhadap dasar ini bukan berpunca kerana dasar ini lahir dari Eropah yang memisahkan agama daripada negara, tetapi kerana dasar tersebut mahu menghidupkan budaya pra-Islam. Sidiq Fadil semasa

<sup>47</sup> Norhashimah Md Yasin, Islamisation/Malavniation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969 – 1993, Kuala Lumpur: A S Noordeen, 1996, hal. 193.

<sup>48</sup> Anwar Ibrahim, Dakwah di Kalangan Belia, dlm. Panji Masyarakat, Ogos 1979, hal. 8.

<sup>49</sup> Sidiq Fadil, Islam dan Sekularisme, dlm. Risalah, No 5, 1978, hal. 7. Lihat juga "Negara Islam Kenapa ada yang Alergik?", dlm Risalah, No 4, 1978., hal. 9, "Perundangan Islam- tuntutan sejagat", dlm Risalah, No 3, 1978, hal. 6.

<sup>50</sup> Sidiq Fadil, "ABIM mengkritik kerajaan kerana melakukan penangkapan beberapa tokoh Ulama", Lihat Risalah, 5, 1978, hal. 6.

menjadi Presiden ABIM menjelaskan bahawa ABIM menentang dasar-dasar berkenaan sebab kerajaan mahu menghidupkan dan memperkuuh warisan budaya pra Islam yang bertentangan dengan nilai-nilai agama. Katanya, nasionalisme Melayu adalah tidak lain bermaksud menghidupkan kembali sisa-sisa warisan Melayu pra-Islam dengan segala bentuk dan wlamanya yang sama sekali tidak sesuai dengan Islam".<sup>51</sup>

Pandangan radikal ABIM ini bukan hanya berkisar dalam soal-soal falsafah negara tetapi juga menjangkaui soal dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan seperti *Dasar Ekonomi Baru /DEB*. Bagi ABIM , dasar ini bertentangan dengan Islam dan membantutkan soal proses pelaksanaan undang-undang Islam. Sementara dalam isu ekonomi, ABIM berpandangan apa yang diamalkan oleh kerajaan adalah sistem kapitalisme yang bertentangan dengan sistem ekonomi Islam. Generasi muda dalam ABIM menganggap dasar ini sebagai satu dasar yang gagal untuk mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu, dan gagal menjaga survival umat. Zainah Anwar menulis:

*It was explosive time. There were lot of issues.... Malay poverty, language, corruption. After May 13, you just got asked on immediately, it was all a question of the survival of the ummah, of the Malay race. Previously, we had been thinking about all these problems outside Islam, when actually we could have solved them through Islam.*<sup>52</sup>

ABIM melihat *Dasar Ekonomi Baru* yang diperkenalkan oleh kerajaan, hanya mengarahkan kepada terciptanya kelompok kecil kapitalis Melayu dengan mengorbankan kepentingan majoriti masyarakat miskin. Dalam memberi pandangannya terhadap dasar tersebut Anwar Ibrahim mengatakan;

---

<sup>51</sup> Sidik Fadil, "Nasionalisma Melayu", *Risalah*, No 3, 1980, hal. 13. Lihat juga "Nasionalisma Menurut Para Pemikir Islam", dim Pembina Generasi, November 1984, hal. 15. Lihat juga "Da'l Pembina Aqidah dan Pembangun Umah", Ucapan Dasar Presiden ABIM, pada Muktamar ke 13, ABIM , 7 - 9 Dis 1984.

<sup>52</sup> Zainah Anwar, Islamic Revivalism in Malaysia Dakwah Among Students, Kuala Lumpur: Pelanduk Publication, 1987, hal. 11.

*The Government sees it basically from a racial viewpoint, I don't there have been studies showing the NEP is benefiting only a few who are probably not even businessmen, who are not even competent to run a business, yet they are getting free share, or share is are allocated to them.*<sup>53</sup>

Kamaruddin Md Noor, selaku Naib Presiden ABIM 1982 melihat kerajaan tidak berminat dengan Islam sebagai satu alternatif kepada sistem yang sedia ada. Menurutnya:

*" Dalam hal-hal yang dianggap mendasar kesejahteraan kehidupan manusia seperti kebebasan, hak asasi dan keadilan ekonomi, masih belum ada tanda-tanda perubahan yang positif. Akta Keselamatan Dalam Negeri masih dipertahankan, DEB juga ingin diperjuangkan walaupun banyak kritikan berlaku..."*<sup>54</sup>

Kamaruddin Jaafar, Ketua Biro Penyelidikan ABIM 1980, juga melihat dasar dan falsafah DEB adalah keliru kerana persoalan ekonomi terpisah daripada persoalan manusia terutama dari aspek akhlak.<sup>55</sup>

Pada muktamar kesembilan ABIM pada 1980 Anwar Ibrahim mengkritik dasar pembangunan negara kerana ia tidak seimbang dengan Islam. Katanya:

*Justeru itu amat kecil maknanya pembangunan ini sekiranya maksiat masih diteruskan di tengah-tengah usaha pembangunan. Kerana itu pemberian lesen-lesen perjudian, arak dan pelacuran hendaklah diberhentikan segera.*<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup> Anwar Ibrahim, We Need a Moral Code, dlm Asiaweek, Vol. 5, No. 33, 24 Ogos 1979, hal. 16.

<sup>54</sup> Kamaruddin Md Noor, Panji Masyarakat, Mac-April, 1982, hal. 15.

<sup>55</sup> Kamaruddin Jaafar, Kritikan DEB, dlm Risalah, No 2, 1980, hsl. 6.

<sup>56</sup> Ucapan Anwar Ibrahim, dlm. Panji Masyarakat, Okt/Nov 1980, hal. 23, dan Risalah, No 4, 1980, hal. 12.

Kritikan Anwar Ibrahim dipertegas lagi oleh Fuad Hassan, salah seorang exco ABIM peringkat kebangsaan 1980 mempersoalkan kenyataan kerajaan yang mendakwa negara ini sebagai negara Islam, sebagai suatu yang di luar batas pemikiran Islam. Bagi Fuad adalah tidak layak untuk mengatakan negara ini sebagai sebuah negara Islam kalau kebaikan dan maksiat itu bercampur aduk dan berjalan serentak.<sup>57</sup> Dalam menilai sikap ABIM terhadap pandangannya kepada dasar-dasar kerajaan, Kamal Hassan mengatakan bahawa sikap ABIM amat kritis itu, sebagai aliran pemikiran politik Islam semasa yang inginkan sebuah negara Islam yang menyeluruh. Aliran keinginan inilah bagi Kamal Hassan yang paling otentik sebagai manifestasi keinginan umat Islam yang abadi.<sup>58</sup> ABIM tidak berpuas hati dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan dalam pelaksanaan syariat Islam. Kalaupun ada usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan, tetapi tindakan itu tidak sampai mengikut tahap ukuran yang dikehendaki oleh ABIM.

Justeru itu ABIM begitu lantang mengkritik dasar kerajaan yang lain pada peringkat awal dasar itu dilaksanakan, seperti *Dasar Pandang ke Timor (Look East Policy)*.<sup>59</sup> ABIM mengkritik pandangan Tunku Abdul Rahman untuk menjadikan negara ini ‘secular political System’<sup>60</sup>. ABIM menuduh kerajaan ‘un-Islamic’ [tidak Islam] berdasarkan kepada apa yang berlaku seperti rasuah, salah guna kuasa, dan mengekpliotasi pekerja,<sup>61</sup> di samping ABIM mengkritik hasrat kerajaan untuk membina sebuah negara berdasarkan ‘nationalist-secularist’

---

<sup>57</sup> Kata Fuad Hasan “Mengaku bahawa Malaysia adalah negara Islam hanyalah dipertahankan oleh segolongan ulama yang berkepentingan dunia... ulama umumnya tidak sebagaimana dapat dikatakan negara Islam kalau kilang dan kedai arak terus bertambah dan bertebaran, kalau rumah pelacuran dibolehkan, kalau berzina didenda hanya RM200, kalau anak luar nikah bertambah, kalau judi dianggap perlu untuk pembangunan negara”? Lihat Fuad Hasan, Menjawab Soalan Syikh Mohsen, dlm Panji Masvarakat, Ogos/Sept, 1980, hal. 40

<sup>58</sup> Kamal Hassan, Pemikiran Politik Islam , dlm Panji Masvarakat, Mei/Jun, 1983, hal. 42.

<sup>59</sup> Hussin Mutalib, op.cit., hal. 83.

<sup>60</sup> Risalah, Vol. 1, 1984, hal. 1, 17.

<sup>61</sup> Risalah, Vol. 1 & 2, 1981, hal. 4.

(faham kebangsaan yang sekular), kerana dengan cara itu tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah negara. ABIM mengkritik beberapa Akta yang bertentangan dasar kemanusiaan sejagat seperti, ISA [Akta Keselamatan Dalam Negeri], dan *Societies Act Bill* yang bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan.<sup>62</sup> ABIM berpandangan kerajaan yang ada berpendirian antara dakwah dan memandang rendah kepada golongan yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti dakwah.

ABIM bukan sahaja mengkritik apa yang dilakukan sebagai tidak sesuai dengan kehendak syariat, tetapi juga menuntut kerajaan supaya melakukan pelaksanaan Islam secara total. Bagi ABIM dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan belum cukup untuk mencerminkan keinginan kerajaan dalam melaksana undang-undang Islam. ABIM menuntut supaya dilaksanakan “*[Islamisation]*” [Islamisasi], kerana pada ABIM “*Islamisation*” ialah satu proses yang menyaksikan berlakunya penukaran suasana yang tidak Islamik kepada suasana yang lebih Islam dalam semua aspek kehidupan umat<sup>63</sup>. ABIM melihat apa yang difahami oleh kerajaan soal proses Islamisasi sebagai satu proses penerapan nilai-nilai Islam adalah suatu yang kurang tepat dan bercanggah dengan kehendak dan aspirasi Islamisasi yang ‘holistic’ dan proses yang menyeluruh. Bagi ABIM apa yang dilakukan oleh kerajaan hari ini walaupun suatu yang baik dan mendatangkan faedah kepada kebangunan Islam, tetapi ia belum mencukupi dengan apa yang mereka tuntut. Mohd Noor Manutu Presiden ABIM menyatakan:

*What is needed .... is the total implementation of the Islamic syariah where by totality of Islam must be strictly implemented it must not be as it is now where only some truing changes were introduced in the present system which remains alien to Islam.*<sup>64</sup>

---

<sup>62</sup> Asiaweek, 24 Ogos 1979, hal. 21 - 23.

<sup>63</sup> Kata Mohd Noor Manutu “Infusion of Islamic values is not the same as Islamisation. This is because Islamisation means a process of changing something un-Islamic into purely Islamic. In fact, Islamisation is an established term frequently used by Muslim scholars whether in the context of explaining historical stages of development and resurgence of Islam or in the context of the expression of idealism, schemes and the returning process.... to Islam as it is happening today”. Lihat Mohd Noor Manutu, op.cit., hal. 305.

*ABIM* berpandangan apa yang dilakukan oleh kerajaan hari ini adalah sebahagian kecil daripada apa yang mereka tuntut. *ABIM* tidaklah menolak apa yang dibuat oleh kerajaan hari ini memperlihat kewujudan cita-cita politik dalam melaksana undang-undang Islam. Meskipun pada peringkat awal [ 1970 an – 80 an ] *ABIM* mengkritik banyak dasar kerajaan, setelah Anwar Ibrahim masuk UMNO dan terlibat dalam kerajaan, penilaian *ABIM* terhadap kerajaan mulai berubah. *ABIM* mengambil pendekatan yang sederhana dan bekerjasama dalam membangunkan negara daripada sikap berkonfrontasi sebelumnya. Sidiq Fadhil menyatakan:

*gerakan Islam yang dewasa dan matang tidak seharusnya berfungsi sebagai kumpulan pendesak semata-mata tetapi haruslah berorientasikan problem solving, mampu menyelesaikan masalah dan menawarkan cara penyelesaian yang praktis.*<sup>65</sup>

Demikian juga pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad Nur Manutu Presiden keempat *ABIM* dengan mengemukakan pendekatan *al-Wasatiyah al-Islam* [ kesederhanaan Islam ] dalam mendekati kerajaan.<sup>66</sup> Perubahan sikap *ABIM* ini bergantung rapat kepada perubahan sikap kerajaan dalam menangani isu-isu Islam khususnya dalam aspek undang-undang Islam. Sidiq Fadhil mengatakan:

*Angin perubahan mulai bertiup menukar iklim politik tanah air, orientasi pemerintah negara mula memperlihatkan warna kehijau-hijauan...*<sup>67</sup>

---

<sup>64</sup> Mohd Noor Manutu, *ibid.*, hal. 306.

<sup>65</sup> Sidiq Fahdil, Menyahut Cabaran Abad Kebangunan, ucapan Dasar ke 12 Presiden ABIM, Kolej Islam Kelang, 1983.

<sup>66</sup> Muhammad Nur Manutu, Ucapan Dasar Muktamar ke 22 ABIM kali, Air Kroh Melaka, Ogos 1993.

<sup>67</sup> Sidiq Fadhil, "Keperihatinan Umat dalam Senario Politik 90an", ucapan Dasar Muktamar kali ke 19, .ogos, 1989.

Kerana itu beliau berpendapat adalah lebih bijak bagi ABIM mengambil pendekatan dengan mengisi ruang-ruang yang telah disediakan oleh kerajaan, kerana pendekatan itu lebih baik daripada membiarkan ia kosong dan diisi oleh orang lain yang belum pasti dapat melaksanakan tanggungjawab tersebut sesuai dengan roh Islam.<sup>68</sup> Mohamad Nur Manutu mengambil pendekatan yang sama apa yang telah dipelopori oleh Sidiq Fadhil. Pada Mohd Noor Manutu pendekatan radikal sudah tidak sesuai lagi dengan kedudukan politik di negara ini seperti katanya:

*pendekatan takfir dan taghut tidak lagi sah dalam konteks realiti sistem sosial politik Malaysia.*<sup>69</sup>

Sikap yang sama juga didokongi oleh *Persatuan Ulama Malaysia* [PUM]. Organisasi ini berpendapat kerajaan tidak mempunyai cita-cita dalam melaksana undang-undang Islam. Sebagai sebuah organisasi yang dianggotai oleh ulama bermatlamat untuk menegak dan menyebar Islam, *PUM* melihat kerajaan tidak konsisten dan berminat melaksana undang-undang Islam.<sup>70</sup> Menurut Abdul Ghani Shamsuddin Timbalan Presiden *PUM*, kalau pun ada cita-cita kerajaan dalam isu yang dibangkitkan, cita-cita itu dalam keadaan yang amat terbatas dan *conservative*.<sup>71</sup> Abdul Ghani Shamsuddin, menambah lagi: “*PUM* tidak menolak untuk menyatakan kerajaan mempunyai keinginan untuk merealisasi perundangan Islam”, tetapi perundangan yang hendak dilaksanakan itu adalah undang-undang Islam yang difahami oleh

---

<sup>68</sup> Wawancara dengan Sidiq Fadhil, di Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 9 Jun 1997.

<sup>69</sup> Muhammad Nur Manutu, Gerakan Islam Sebagai Pemangkin Pembangunan Umat, Kertas Kerja dalam Seminar Antarabangsa Minda Melayu, UKM, 29Jun 1995.

<sup>70</sup> Wawancara dengan Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin, Timbalan Yang DiPertua Persatuan Ulama Malaysia, di Jabatan Pendidikan Universiti Malaya pada 29 Julai 1997.

<sup>71</sup> Ibid.

kerajaan. Apa yang diusahakan oleh kerajaan hari ini boleh membantu kepada proses pelaksanaan undang-undang Islam. Tetapi PUM berpendangan apa yang dilakukan itu dalam keadaan terpaksa dan kesan daripada desakan umat Islam hasil daripada semangat kebangkitan Islam, dan bukan datang dari cerminan keinginan kerajaan sendiri. Kerana itu sistem yang dilaksanakan itu dalam keadaan tergesa-gesa, tidak konsisten dan bercelaru atau bercampur aduk antara kebatilan dan kebenaran.<sup>72</sup>

PUM menggesa kerajaan mesti lebih peka dan bersungguh dalam melaksana cita-cita pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini. Sebab apa yang hendak dilakukan itu akan meningkatkan martabat agama Islam pada pandangan masyarakat bukan Islam. PUM berpendapat tuntutan pelaksanaan undang-undang Islam bukanlah suatu yang baru, tetapi sudah lama berlaku. Yang dituntut umat Islam di negara ini adalah sebagai hak warganegara yang merdeka dan mereka berhak menuntut apa yang menjadi hak mereka.<sup>73</sup> PUM berpendirian mengkritik mana-mana pihak dalam perkara yang tidak baik dan bertentangan dengan syariat Islam adalah sebahagian daripada tanggungjawab mereka sebagai organisasi penegak yang makruf dan mencegah yang mungkar.<sup>74</sup>

#### 4.3 Islamisasi dalam UMNO

Perubahan sikap dan kecenderungan UMNO serta kerajaan terhadap Islam bersangkut paut dengan kehendak dan keinginan rakyat. Era tahun-tahun 1970-an dan 1980-an dikatakan era kebangkitan Islam. Rakyat pada semua peringkat khususnya generasi muda di Institusi-institusi Pengajian Tinggi mula memperkata Islam dan memperlihat satu aliran

---

<sup>72</sup> Ibid.

<sup>73</sup> Ibid.,

<sup>74</sup> Ibid.

perkembangan Islam yang agak ketara. Kecenderungan golongan ini menghayati Islam akhirnya menuntut kerajaan supaya melaksanakan sistem Islam dalam semua bidang.<sup>75</sup>

Kesan daripada keinginan rakyat ini memaksa kerajaan mendekati agama sebagai respond kepada arus kebangkitan Islam. Reaksi awal kerajaan dapat dilihat dalam era tahun 1970-an dan awal 1980-an apabila kerajaan mula melaksanakan nilai-nilai agama sebagai teras dalam sistem kewangan dan ekonomi seperti tertubuhnya *Bank Islam*, *Takaful Islam*, *al-Rahn* (pajak gadai Islam), dalam sistem pentadbiran kerajaan melaksanakan dasar penerapan nilai-nilai Islam.<sup>76</sup> Dalam sistem perundangan berlaku pindaan Perlembagaan Perkara 121 dan melakukan penyelarasan undang-undang syariah. Dalam sistem pendidikan, kerajaan menubuhkan banyak universiti dan fakulti yang berasaskan agama seperti *Fakulti Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*, *Akademi Islam Universiti Malaya* dan *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*.

Program-program di bawah dasar ini banyak dan pelbagai, daripada nilai tindakan politik simbolik, iaitu penekanan kepada simbol-simbol Islam seperti penggunaan terminologi dan ucapan salam Islamik, pembinaan kompleks-kompleks Islam, institusi-institusi Islam, persidangan antarabangsa, program Islam di Radio dan Television [RTM] dan kursus-kursus untuk masyarakat, kepada program yang berbentuk *substantif* seperti penubuhan Universiti Islam, pengenalan perbankan Islam, insurans dan sekuriti Islam, pindaan-pindaan Perlembagaan yang memberi lebih kuasa kepada pihak berkuasa Islam, reformasi kepada pentadbiran mahkamah dan undang-undang Islam dan usaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan penyelarasan di kalangan pihak berkuasa Islam negeri-negeri.<sup>77</sup>

---

<sup>75</sup> "What is need, therefore is the total implementation of the Islamic Syariah whereby totality of Islam must be strictly implemented. It must not be as it is now where only some fringe changes were introduced in the present system." Lihat Mohd Noor Manutu, Perception of Social Change in Contemporary Thesis Ph.D. United State, Tample University, 1990, hal. 30.

<sup>76</sup> Lihat Hussin Mutalib, Islam in Malaysia from Revivalism to Islamic State, op.cit., hal. 39.

<sup>77</sup> Lihat huraian Bab Tiga dalam Disertasi ini.

Mahathir Mohamad adalah pemimpin yang bertanggungjawab kepada perubahan ini.

Secara kbetulan, beliau memimpin kerajaan dan berdepan dengan kecenderungan rakyat kepada Islam sudah sampai ke tahap yang tinggi, beliau terpaksa mengikut aliran pemikiran tersebut demi kelangsungan politik golongan elit. Walau bagaimanapun organisasi masyarakat masih boleh mempengaruhi kelangsungan atau tidak cita-cita politik tersebut. Seperti dasar penerapan nilai-nilai Islam akan lebih mudah diaplikasikan dalam masyarakat kalau setiap organisasi dalam struktur kerajaan dan masyarakat saling membantu dan mendokongi dasar tersebut.

Perhimpunan Agung tahunan UMNO juga semakin dikuasai oleh persoalan tentang Islam sepanjang 1970-an dan 80-an. Sebahagian besar isu yang ditimbulkan ditujukan kepada mengecam kumpulan-kumpulan aktivis gerakan kebangkitan Islam dan menuntut kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka. Tetapi jelas ada juga tuntutan peningkatan Islam dalam pelbagai bentuk, daripada seruan supaya dilaksanakan syariah dan dilipatgandakan aktiviti Islam yang dibiayai oleh wang awam sehingga halal kepada cadangan supaya istilah Melayu dalam UMNO digantikan dengan ‘Muslim’ dan mewarwarkan UMNO parti Islam yang terbesar timbul untuk lebih mencerminkan identifikasi dengan Islam.<sup>78</sup> Suara-suara lebih Islam yang datang daripada dalam UMNO ini semakin kuat selepas PAS keluar daripada kerajaan campuran pada tahun 1978 untuk kembali memainkan peranan mengetuai pembangkang Islamis yang mempertikaikan kelslamatan UMNO. Saranan yang dikemukakan dalam Perhimpunan Agung UMNO tentang perundangan semakin ketara misalnya dalam membahaskan ucapan Presiden wakil daripada perhubungan UMNO Sabah Yusuf Apdal mencadangkan supaya kerajaan mengemaskinikan sistem Mahkamah Syariah.<sup>79</sup> Demikian juga pandangan daripada Pemuda UMNO Malaysia yang menyarankan supaya dibuat kajian yang menyeluruh terhadap beberapa

---

<sup>78</sup> UMNO, Jawapan Usul-usul Perhimpunan Agung ke-31 UMNO Malaysia, 4hb – 6hb Julai 1980, Kuala Lumpur.

<sup>79</sup> Lihat Berita Harian, 13 Ogos 1997, hal. 6.

perbezaan peruntukan yang terdapat dalam undang-undang syariat.<sup>80</sup> Dan usul Pergerakan Wanita UMNO Pulau Pinang supaya UMNO menegaskan kembali secara tuntas, tentang iitizam UMNO dalam membangun, memperjuang, mempertahan dan menegakkan Islam supaya ia tidak diperkotak-katikkan oleh PAS.<sup>81</sup>

Pendekatan secara kekerasan yang digunakan oleh kerajaan dalam menangani isu tuntutan rakyat dengan menggunakan *Akta Keselamatan Dalam Negeri* untuk menahan aktivis Islam tahun 70-an tidak menampakkan kesan yang diinginkan. Malah beberapa tahun sebelum memegang jawatan Perdana Menteri, Mahathir telah menyatakan kesediaannya untuk mengusahakan peranan yang lebih bagi Islam dalam masyarakat dan kerajaan. Menurut Syed Ahmad, janji Mahathir untuk meningkatkan liberalisme dan toleransi politik, membantu memujuk Anwar Ibrahim untuk menerima tawaran Mahathir untuk menyertai UMNO sejurus sebelum pilihan raya 1982.<sup>82</sup>

Kejayaan Mahathir merupakan satu *coup* politik bagi dirinya dan *Barisan Nasional*. Kemasukan Anwar Ibrahim juga telah membawa bersamanya sebilangan penyokongnya ke dalam UMNO, dan ABIM sendiri mula berubah daripada pengkritik kepada pendokong dasar dalam program-program UMNO. Kehadiran Anwar dalam UMNO melambangkan komitmen baru parti itu kepada Islam. Kemasukan Anwar, seperti juga kemasukan PAS dalam kerajaan campuran dulu, mengikat kerajaan untuk melakukan lebih Islam.<sup>83</sup> Antara kenyataan awal dasar Mahathir ialah tentang “*mengislamisasikan nilai Islam ke dalam pentadbiran*” sebagai usaha untuk mengseimbangkan spiritualisme dan materialisme yang akan dicapai melalui pelaksanaan

---

<sup>80</sup> Lihat Berita Harian, 4 Jul 1997, hal. 6.

<sup>81</sup> Lihat Berita Harian, 6 Sept 1997, hal. 8.

<sup>82</sup> Lihat Syed Ahmad Hussein, op.cit., hal. 16.

<sup>83</sup> Lihat kupasan perkara ini dalam Bab Tiga Disertasi ini.

yang inkremental dan moderat, dengan mengambil kira sensitiviti penduduk bukan Muslim.<sup>84</sup>

Walau begaimanapun menurut Syed Ahmad dasar itu bukanlah satu arah baru yang radikal; ia bukan untuk membentuk sebuah negara Islam atau melaksanakan keseluruhan undang-undang syariah klasik. Namun dasar itu merupakan satu ekspresi yang paling bersungguh-sungguh tentang proses Islamisasi yang pernah diluahkan oleh UMNO.<sup>85</sup>

Mulai awal 1900 an selain *hudud*, kerajaan telah membuat pengisytiharan secara formal sebagai sebuah negara Islam, dakwaan UMNO bahawa parti itu lebih Islamik dan menjadikan Malaysia lebih bersifat Islamik adalah hasil inisiatifnya. Dakwaan itu telah mendapat pengiktirafan pelbagai pihak, sekalipun ketidaksediaan kerajaan untuk melaksanakan hukum-hukum *hudud* dengan kepelbagaiannya hujah dan mengenegahkan pendekatan *tawassut* [kesederhanaan] dan *awlawiyyat* [pengutamaan] turut disokong oleh sarjana-sarjana Islam yang dihormati. Contohnya seperti Hussein Nasr, Fazlur Rahman dan Ismail Faruqi mahupun ulama-ulama terkemuka seperti Sheikh Muhammad al-Ghazali, Yusuf al-Qaradawi dan Sheikh al-Azhar Mohamed Sayed Tantawi.<sup>86</sup> Menurut Nagata, kebolehan Malaysia menjadi Islamik tanpa manjadi negara Islam telah menjadikannya contoh sebuah negara Muslim yang berjaya memahami secukupnya Islam dan kemodenan dan mengambil pelbagai inisiatif hasil pemahaman itu.<sup>87</sup> Berdasarkan huraian ini jelas memperlihat bahawa perubahan yang berlaku dalam dasar kerajaan dan UMNO adalah pengaruh daripada persekitaran yang melingkungkinya, sama ada tekanan daripada organisasi pesaingan politik iaitu PAS mahupun organisasi gerakan Islam semasa.

<sup>84</sup> Lihat Utusan Malaysia, Mac 31 1983.

<sup>85</sup> Lihat Syed Ahmad Hussin, op.cit., hal. 16.

<sup>86</sup> Lihat Utusan Malaysia, Ogos 24 – 26 1998, hal. 6.

<sup>87</sup> Lihat Judith Nagata, op.cit., hal. 130.

#### 4.4 Fitrah Manusia

Fitrah setiap manusia ingin akan kebaikan, kesempurnaan, keharmonian, kedamaian, ketenangan, kemuliaan, kekayaan dan kuasa.<sup>88</sup> Keinginan ini sudah menjadi pengetahuan umum dan tidak boleh dinafikan. Al-Qur'an menyebut soal ini dalam banyak tempat antaranya firman Allah swt bermaksud:

*Dalam masjid itu ada orang laki-laki yang suka [mengambil berat] membersihkan [mensucikan] dirinya, dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka [zahir dan batin]<sup>89</sup>*

Demikian juga firman Allah swt bermaksud:

*Dan orang-orang [Ansar] yang mendiami negeri [Madinah] serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat...<sup>90</sup>*

Dalam memenuhi kehendak manusia Allah swt mencipta pelbagai kemudahan dan rezeki yang tidak temilai. Antara perkara yang disentuh dalam surah al-Nahl ayat 5 hingga 18 ialah binatang temakan, menurunkan hujan, menumbuhkan tanaman dan pokok buah-buahan, menciptakan laut untuk manusia menikmati segala jenis makanan yang terdapat di dalamnya, dan gunung-ganang untuk kepentingan manusia, semua itu dicipta untuk memenuhi keinginan dan kehendak semula lagi manusia. Lebih jelas lagi kehendak semula jadi manusia ini digambarkan oleh Allah swt melalui firman Nya bermaksud:

---

<sup>88</sup> Q., al-Rum | 30] : 30.

<sup>89</sup> Q., al-Taubah | 9 | : 108.

<sup>90</sup> Q., al-Hasyr [59] | : 9.

*Dijadikan indah pede [pandangan] manusia kecintaan kepada apa-apa yang dinginnya iaitu wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda [tunggangan] pilihan, binatang ternakan dan sawah ladang, itulah kesenangan hidup di dunia; dan di sisi Allah swt tempat kembali.*<sup>91</sup>

Ayat ini memberi gambaran bahawa setiap manusia yang berakal mempunyai cita-cita untuk mendapatkan apa yang telah disebutkan itu. Ini bermakna cita-cita untuk melakukan kebaikan, kebenaran dan keadilan adalah sifat yang sudah wujud dalam diri dan hati nurani setiap insan yang diciptakan oleh Allah swt. Cuma sifat itu perlu digarap dan dikawal supaya ia tidak diselewengkan daripada nilai-nilai yang tidak dikehendaki. Imam al-Ghazali dalam membicarakan soal hati, jiwa dan nafsu juga mengaitkannya dengan hasrat atau keinginan manusia untuk mendapatkan sesuatu.<sup>92</sup>

Setiap insan yang dijadikan sama ada beriman atau tidak mempunyai cita-cita baik yang semulajadi telah ada dalam dirinya, kerana manusia dicipta sebagai makhluk yang terbaik<sup>93</sup>. Nilai baik ini akan lebih terserlah kalau ia diperkuuhkan melalui pengaruh persekitaran yang melingkunginya seperti latarbelakang pendidikan, lingkungan keluarga dan masyarakat. Walau bagaimanapun pengaruh persekitaran ini hanyalah sebagai pemangkin kepada kesuburan cita-cita baik yang telah wujud itu. Firman Allah swt bermaksud:

*Bagi setiap orang ada Malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya [dari sesuatu bahaya] dengan perintah Allah sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*<sup>94</sup>

<sup>91</sup> Q., Ali Imran [ 3 ] : 14.

<sup>92</sup> Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazali, *Ihya` `Ulum al-Din*. [terj], Indonesia: Penerbit Ali 1980, hal. 22.

<sup>93</sup> Q., al-Tin [95] : 5.

<sup>94</sup> Q., al-Ra`d : 11 lihat juga al-Anfal : 53.

Kewujudan nilai baik itu, menjadikan manusia sebagai makhluk yang paling utama di antara makhluk yang diciptakan Allah swt. Tentu sekali status kemuliaannya melebihi daripada makhluk-makhluk lain.<sup>95</sup> Manusia bukan sahaja diletakkan sebagai status hamba, tetapi juga diangkat dan diamanahkan untuk mengurus dan mentadbir alam. Firman Allah swt bermaksud:

*Sesungguhnya kami telah turunkan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang, mereka enggan untuk menerima, kerana mereka takut untuk berbuat khianat, dan kami pikulkan amanah itu kepada manusia, sesungguhnya manusia itu zalim lagi bodoh.*<sup>96</sup>

Sayed Qutub dalam menghuraikan ayat ini, menjelaskan bahawa manusia itu berada pada posisi yang paling tinggi, kerana mereka lah yang mampu mengurus laut dan bumi ini secara baik, mereka lah yang mempunyai kekuatan untuk melaksanakan tugas yang mencabar ini.<sup>97</sup> Dalam melaksanakan beban, ini manusia diberi daya untuk memilih dan daya upaya untuk melakukannya. Daya inilah sebagai motivator dinamika setiap aktiviti manusia, tanpa wujudnya kedua-dua daya di atas manusia tidak akan mampu berbuat apa-apa dan mereka akan menjadi makhluk yang pasif.<sup>98</sup> Ini bermakna Allah swt menjadikan manusia mempunyai tujuan tertentu yang sesuai dengan naturi semulajadi insan. Iaitu pengabdian yang tulus terhadap Allah swt, pemeliharaan dan pengembangan diri dalam perilaku yang benar, adil, kasih sayang dan keseriusan berkerja untuk mendapatkan keredhaannya, dan memelihara hubungan baik, damai dan harmoni dengan persekitarannya sebagai makhluk Allah swt. Pemahaman ini, memperlihatkan bahawa keinginan manusia melakukan sesuatu yang baik dan terbaik sesuai

<sup>95</sup> Q., al Isra' [17]: 70.

<sup>96</sup> Q., al-Saffat [33]: 72.

<sup>97</sup> Sayed Qutub. *Fi Zilal al-Qur'an*, jld iv. Kaherah: Dar al-Syuruk, 1994, hal. 2241.

<sup>98</sup> Jafri Khalil, "Pelestarian Alam Sekitar Perspektif Norma Perundangan Islam". *Pemikir*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu [Malaysia] Berhad, Oktober – Desember 1998, hal. 45 – 64.

dengan fitrah semula jadinya yang memang telah ada dalam diri manusia sejak ia diciptakan.<sup>99</sup> Sifat ini bukanlah sesuatu yang baru dan mendatang kesan daripada pengaruh persekitaran.<sup>99</sup> Dalam ertikata lain, cita-cita relatif tinggi untuk melaksana undang-undang yang sesuai dengan kehendak Allah swt adalah cita-cita semulajadi, yang bersesuaian dengan fitrah manusia itu dijadikan.<sup>100</sup>

#### 4.5 Mengekalkan Imej Sebuah Negara Islam

Para sarjana Islam berbeza pendapat dalam menafsir sesebuah negara Islam. Bagi Muhammad Asad negara Islam ialah negara yang memiliki satu himpunan undang-undang yang lengkap iaitu syariat yang meliputi aspek kerohanian, individu, sosial, ekonomi dan politik.<sup>101</sup> Demikian pula pendapat Nazmi Ghazali yang lebih melihat sebuah negara Islam sebagai satu politik yang mendokong konsep persaudaraan dan kerjasama.<sup>102</sup> Beliau juga menekankan negara yang dibangunkan atas dasar akidah Islamiyah dengan seluruh pelaksanaan syariatnya lahir daripada dasar itu. Berbeza daripada pendapat yang dikemukakan oleh al-Maududi, baginya negara Islam mestilah melaksanakan syariat Allah swt dalam segala urusan negara. Pemerintah tidak boleh menghalalkan dan mengharamkan sesuatu perkara itu berdasarkan kepada kehendak hati tetapi mestilah berdasarkan kepada syariat yang telah disediakan atau

---

<sup>99</sup> Untuk melihat secara jelas sila rujuk kepada huraiyan ucapan pemimpin kerajaan yang telah dikemukakan dalam Bab 3 disertasi ini. Walaupun ada kalanya di kalangan pemimpin seolah-olah mencabar tentang keunggulan sistem perundangan Islam, tetapi dalam masa yang sama, mereka juga tidak sanggup melepaskan diri daripada bertanggungjawab untuk melaksana Islam dalam diri, keluarga dan masyarakat setakat mana yang mereka fahami.

<sup>100</sup> Lihat ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh perintah Allah swt supaya menghukum dengan hukuman Allah swt seperti; Q., al-Maedah [5]: 44, 45, 47. Q., al-Nur [24]: 51.

<sup>101</sup> Muhammad Asad, The Principles of State and Government in Islam, Bekely: University California, 1961, hal. 20.

<sup>102</sup> Nazmi Ghazali Azmi, al-Balad al-Muntazar, (terj) Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn Bhd, 1988, hal. 1.

boleh dibuat melalui ijihad.<sup>103</sup> Pendapat al-Maududi ini ada persamaannya dengan pendapat Abdul Karim Zaidan dengan memperlihat bahawa sebuah negara Islam adalah tempat menyaksikan syariat Islam benar-benar mempunyai kekuatan hukum dan kekuatan orang-orang Islam di dalamnya.<sup>104</sup>

Berdasarkan tafsiran-tafsiran ini, para ulama berselisih pendapat dari aspek menentukan ciri-ciri sebuah negara Islam. Walau bagaimanapun secara umumnya ciri sebuah negara Islam menurut pendapat yang dikemukakan oleh Muhammad Rauf iaitu, kekuasaan tertinggi adalah milik Allah, segala keputusan mestilah berpandukan kepada syura, penyertaan rakyat bersama dalam negara sebagai `checks and balances`, keadilan kepada semua dan memenuhi kehendak rakyat, menghormati hak-hak persamaan dan kebebasan serta kesungguhan melaksanakan syariat Allah swt.<sup>105</sup>

Sementara Jawad 'Ali merujuk kepada pengamalan sesebuah negara, seperti dibangunkan atas dasar demokrasi, institusi perlembagaannya digarisi berdasarkan kepada *Perlembagaan bertulis Madinah* dan komuniti masyarakat berdasarkan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam, dan ideologi politik negara berdasarkan kepada syariat.<sup>106</sup> Berbeza pendapat dengan Lokman Thaib yang lebih menekankan soal nilai apabila membicarakan soal negara Islam. Padanya kepimpinan mestilah berteraskan kepada kualiti, syura, keadilan (*justice*), persamaan (*equality*), kebebasan (*freedom*) dan berdasarkan penyeruan kepada kebaikan dan

---

<sup>103</sup> Abu 'Ala al-Maududi, Prinsip-prinsip Utama Negara Islam, (terj) Ihsan Abdul Ghani Shamsuddin. Suntingan Abdul Rahman Rukaini, cet. 2, Kuala Lumpur: HIZBI, 1982, hal. 29.

<sup>104</sup> Abdul Karim Zaidan, Kewajipan Menegakkan Sebuah Negara Islam, (terj) Abdul Ghani Shamsuddin, Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 1988, hal. 14. Lihat juga Ali Hashimi, Di Mana Letaknya Negara Islam. Surabaya: P T Cahaya Sinar, 1986, hal. 32.

<sup>105</sup> Muhammad Abdul Rauf, Ummah the Muslim Nation, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 25.

<sup>106</sup> Jawad Ali, al-Mufassal fi al-Tarikh al-Arab Qalb al-Islam, Beirut: Dar al-Fikr, 1970, hal. 47. Lihat juga M Th Houtsma and A J Wensinck, Encyclopedia of Islam, Leiden: E J Brill, vol. 3, 1936, hal. 488.

pencegahan kepada kemungkaran.<sup>107</sup> Pendapat ini bersamaan dengan idea Muhammad Iqbal yang lebih banyak menjuruskan perbincangan kepada tujuan negara Islam iaitu untuk mengimplementasikan suatu aktiviti demi kebaikan umat keseluruhannya, di samping ingin membangunkan negara dan menjaga keselamatan dalam usaha untuk meningkatkan tahap kehidupan manusia, keutuhan masyarakat dan menolak sebarang ketidakadilan yang akan berlaku dalam masyarakat.<sup>108</sup> Ringkasnya sebuah negara Islam itu ialah: a. Sebuah negara yang meletakkan kekuasaan tertinggi di bawah kekuasaan Allah; b. Negara mestilah berasaskan kepada nilai kebenaran, sesuai dengan tujuan Allah swt mengutuskan para Rasul sebagai pembawa kebenaran; c. Kekuatan umat dalam artikata pemerintah adalah ditentukan oleh rakyat; d. Ketaatan daripada rakyat atau umah adalah suatu kewajipan dan, e. Negara mestilah berasaskan kepada keadilan, syura, persamaan hak dan kebebasan.<sup>109</sup> Dalam ertikata lain, negara Islam ialah satu sistem membentuk satu masyarakat yang berkeupayaan mencipta satu suasana hidup yang sesuai dengan fitrah manusia yang suka kepada kebaikan dan kebenaran, yang dapat berkerjasama dalam semua aspek.

Berdasarkan kepada huraiān di atas, pada umumnya di kalangan ulama mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam, walaupun pada prinsipnya belum sampai ke tahap negara Islam yang ideal. Pengiktirafan Malaysia sebagai sebuah negara Islam bukan sahaja diungkapkan oleh kerajaan tetapi oleh ulama' Islam mutakhir. Antaranya Syekh Ahmad Tantawi, Syekh al-Azhar menyifatkan Malaysia adalah sebuah negara Islam yang sempurna kerana terdapat di dalamnya wujud nilai-nilai yang secocok dengan ciri sebuah negara Islam seperti

---

<sup>107</sup> Lukman Thaib, The Islamic Polity and Leadership, Kuala Lumpur: Delta Publishing Sdn Bhd, 1995, hal. 61. Lihat juga Muhammad Asad, Manhaj al-Islam fi al-Hukm, Beirut: Dar al-Ilm Li al-Malayin, 1978, hal. 60.

<sup>108</sup> Muhammad Iqbal, Muhammad Iqbal and the Islamic State in Voice of Resurgent Islam, Edit by John L Eposito, London: Oxford University Press, 1983, hal. 178.

<sup>109</sup> Abul 'Ala al-Maududi, Khalifah dan Kerajaan, (terj) Muhammad al-Baqir, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, hal. 3 - 39. Lihat juga al-Maududi, Political Theory of Islam, Kerachi: Jama'at al-Islami Publication, tanpa tarikh, hal. 45 - 46.

melaksanakan pembangunan yang lengkap dalam bidang keagamaan dan keduniaan.<sup>110</sup> Padat Tantawi, ciri terpenting sesebuah negara Islam ialah apabila menganggap Islam sebagai agama yang benar mendaulatkan keesaan Allah dan mengakui Nabi Muhammad saw adalah Rasul. Membenarkan penduduknya mengerjakan segala fardu Islam, menggalak penyuburan sifat-sifat baik dan berusaha menguburkan sifat-sifat kejahanatan, percaya kepada syariat Islam dan bekerja melaksanakan secara menyeluruh dalam semua aspek hidup.<sup>111</sup>

Muhammad Bureay, mengketgerikan negara yang menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam [OIC] sebagai sebuah negara Islam. Katanya, negara Islam di dunia mengandungi 44 buah yang menganggotai OIC berselerakan di sekitar Asia dan utara Afrika yang umat Islam adalah majoriti daripada keseluruhan penduduknya.<sup>112</sup> Penerimaan keanggotaan Malaysia dalam Pertubuhan itu dilihat sebagai satu pengiktirafan bahawa Malaysia sebuah negara Islam. Penonjolan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dinamik, progresif dan demokratik dalam dan luar negara bukan sahaja tercema dalam sistem politiknya<sup>113</sup> tetapi juga dari aspek aktiviti yang dilakukan pada peringkat nasional dan internasional. Muhammad Bakar menjelaskan bahawa era ini lebih menyerlah kerana pembabitan kerajaan terhadap aktiviti yang berbentuk dan berbau Islam serta diresapi oleh komitmen nilai Islam.<sup>114</sup> Sumbangan Malaysia terhadap perkembangan Islam, meningkatkan imej Islam sebagai agama yang sederhana dan pembelaan Malaysia terhadap umat Islam yang tertindas khususnya di Bosnia adalah suatu kenyataan. Atas kesungguhan kerajaan melaksana

---

<sup>110</sup> Utusan Malaysia, 23 Ogos 1998, hal. 6.

<sup>111</sup> Ibid.

<sup>112</sup> Muhammad Bureay, Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam, [terj] Abdullah Md Noor, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hal. 7.

<sup>113</sup> Lihat Zaini Ujang, "Malaysia Sebagai Pusat Kebangkitan Islam" ?, Utusan Malaysia, 20 Dis 1994, hal. 8

tanggungjawab itu, Malaysia telah dianugerahi pelbagai pingat kebesaran daripada negara-negara Islam seperti *The Dragon of Bosnia* oleh kerajaan Bosnia, Anugerah Antarabangsa King Faisal 1983 kepada Tunku Abdul Rahman dan 1997 kepada Mahathir Mohamad. Anugerah Jawaharlal Nehru 1996, anugerah Mubarak al-Kabir oleh kerajaan Kuwait kerana kejayaan sebagai pemimpin Islam dan anugerah Ahmad al-Fatah pada 1997 pingat kedua tertinggi oleh kerajaan Bahrain kerana memperkuuh hubungan persaudaran sesama Islam. Anugerah ini walaupun diberikan kepada pemimpin negara khususnya Mahathir Mohamad tetapi ia sebagai lambang kepada sumbangan Malaysia di arena antarabangsa terhadap Islam.

Pelaksanaan Islam di Malaysia bukan sahaja datang daripada tuntutan organisasi Islam, juga atas komitmen kerajaan untuk melaksanakannya.<sup>115</sup> Kerajaan sentiasa prihatin atas pandangan tersebut, dan sentiasa menjaga supaya pandangan itu berterusan dan mengekalkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Mahathir Mohamad mengatakan: “*Bahawa kerajaan Malaysia sebagai kerajaan yang bertanggungjawab terhadap agama dan umat Islam keseluruhannya ...*”<sup>116</sup> Kerana itu Sayed Hamid Albar menyatakan secara jelas tentang komitmen kerajaan untuk melaksanakan sistem perundangan Islam. Dan pelaksanaan itu harus secara berperingkat-peringkat bagi mengelak timbulnya sebarang perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat. Katanya:

*Pertikaian sama ada kerajaan akan melaksanakan hukum hudud atau tidak bukan persoalannya. Sebagai sebuah negara Islam kerajaan tidak menolak hukum hudud, apa yang ingin kita tekankan ialah melahirkan individu, masyarakat dan negara Islam”.*<sup>117</sup>

<sup>114</sup> Lihat Muhammad Bakar, “Pengislaman Dasar Luar Malaysia”, al-Islam, Kuala Lumpur: Utusan Malaysia, Feb 1995, hal 70 – 73.

<sup>115</sup> Lihat “Huraian usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan”, dalam Bab 3 disertasi ini.

<sup>116</sup> Mahathir Mohamad, ucapan mengenai undang-undang hudud yang hendak dilaksanakan di Kelantan, ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO, di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur: pada 3 Mar 1994. Utusan Malaysia, 4 Mar 1994, hal. 6.

Diperkuatkan lagi oleh Mahathir Mohamad dalam kenyataannya yang memperlihatkan komitmen kerajaan dalam isu pelaksanaan undang-undang Islam. Di mana kerajaan sedang berusaha mengkaji dan menyemak semula undang-undang sivil dan jenayah negara bagi memastikan ia tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Katanya:

*Ini bermakna sedikit sebanyak negara sudahpun menerima undang-undang yang bukanlah dikatakan undang-undang Islam atau syariah [sepenuhnya] dan ia merupakan sebahagian daripada proses kehadiran dalam Malaysia.<sup>118</sup>*

#### 4.6 Penutupan

Sebagai kesimpulan faktor utama yang mendorong relatif tinggi cita-cita politik dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia ialah persaingan antara parti politik muslim. Persaingan antara UMNO - PAS bukanlah satu perkara baru, ia telah berlaku sejak mula ia ditubuhkan berpunca daripada dasar perjuangan yang berbeza. Nasionalisme yang melandasi perjuangan UMNO pada dekad-dekad awal penubuhannya tidak dapat diterima oleh PAS yang melandasi perjuangannya kepada Islam. Peristiwa 13 Mei 1969 menuntut PAS menjadi rakan kongsi dalam kerajaan BN pada 1973 dan suara lantang Islam dalam PAS dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, PAS mengambil pendekatan melaksanakan dasarnya lebih sederhana dalam batas-batas kuasa yang diberikan kepadanya sebagai rakan kongsi dalam kerajaan. Tuntutan pelaksanaan sistem Islam secara radikal diambil alih oleh ABIM di bawah pimpinan Anwar Ibrahim.

Apabila PAS keluar daripada kerajaan BN ia memperlihat pemuncakkan kembali percaturan politik muslim UMNO - PAS. Kebangkitan Islam di seluruh dunia pada dekad 70-an dan 80-an telah mempengaruhi generasi muda menghayati agama yang lebih menyeluruh. Seruan-seruan Islam dalam UMNO meningkat, dan kemasukan Anwar Ibrahim dalam UMNO 1982 memperkuatkan elemen-elemen agama dalam parti dan kerajaan, memungkinkan kerajaan

---

<sup>117</sup> Lihat Utusan Malaysia, 26 Jan 1994, hal. 6.

mengubah beberapa dasar dan melakukan berbagai strategi pembangunan yang lebih mirip dengan berbau Islam. Perubahan ini dilakukan untuk mendapat simpati rakyat dan meraih sokongan daripada para pengundi bagi membolehkan mereka mengekalkan kuasa dalam kerajaan.

Dorongan semula jadi yang wujud dalam hati kecil manusia dikira membantu relatif tinggi cita-cita melaksana undang-undang Islam. Kecenderungan ini sudah terbentuk dalam diri manusia sejak ia diciptakan. Allah swt melantik manusia sebagai khalifah adalah kerana dalam diri manusia itu terdapat nilai-nilai yang berupaya dan membantu kepada pelaksanaan sistem perundangan yang sesuai dengan kehendak Allah swt. Justeru itu kenyataan demi kenyataan yang diungkapkan oleh para pemimpin negara dalam isu pelaksanaan undang-undang Islam sentiasa diwar-warkan walaupun dalam ruang lingkup yang terbatas dan berubah-ubah. Kerana itu kerajaan akan sentiasa menonjolkan imej sebagai sebuah negara Islam dan berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan masyarakat dunia tentang apa yang telah mereka lakukan sebagai lambang kepada komitmennya terhadap Islam pada keseluruhannya. Untuk mengekalkan identiti ini, Malaysia terpaksa melakukan sesuatu yang dilihat sebagai pengukuhan mereka kepada cita-cita relatif tinggi kepada pelaksanaan perundangan Islam.

---

<sup>118</sup> Lihat, Utusan Malaysia, 24 Jul 1996, hal. 7.